



**BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT (DISEASE CONTROL DIVISION)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA)
ARAS 3,4,6,8 BLOK E 10, PARCEL E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62590 PUTRAJAYA
MALAYSIA**

*No. Tel: 03-88834126
No. Faks: 03-88834150
Website: <http://www.dph.gov.my>*

**KENYATAAN AKHBAR
PENGARAH KAWALAN PENYAKIT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

SITUASI SEMASA JANGKITAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA

Bagi Minggu Epid ke 46/2008 (9 hingga 15 November 2008)

Bagi tempoh 9 hingga 15 November 2008, sebanyak 84 kes disyaki Chikungunya telah dilaporkan di seluruh negara dengan penurunan sebanyak 26 kes berbanding minggu lepas. Untuk makluman, 16 (19%) daripada 84 kes tersebut telah dikesan melalui aktiviti pengesanan kes dari rumah ke rumah oleh anggota Kementerian Kesihatan, manakala yang selebihnya dilaporkan oleh klinik kesihatan ataupun hospital. Kes jangkitan Chikungunya pada minggu ini dilaporkan di tujuh buah negeri iaitu Johor (36 kes), Perak (24 kes), Selangor (13 kes), Negeri Sembilan (4 kes), Melaka (5 kes), Pahang dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur masing- masing 1 kes.

Sehingga kini, kes terkumpul penyakit Chikungunya di seluruh negara adalah sebanyak 3399 kes (Lampiran A). Hanya 769 kes (23%) daripada jumlah tersebut yang memerlukan rawatan di hospital, berbanding majoriti pesakit (77%) yang mendapatkan rawatan hanya sebagai pesakit luar. Bagaimanapun, tiada kematian berkaitan penyakit Chikungunya dilaporkan.

Pada minggu ini kes-kes dilaporkan dari 66 lokaliti dan terdapat 18 lokaliti yang mempunyai lebih dari satu kes. Semua lokaliti ini dipantau termasuk 6 lokaliti baru. Kebanyakan kes berlaku di kawasan luar bandar dan keadaanya terkawal.

Pihak Kementerian Kesihatan menasihatkan orang ramai agar mengambil berat mengenai penularan penyakit ini, memandangkan ia mampu

merebak dengan cepat melalui gigitan nyamuk *Aedes*. Bagi mereka yang telah dijangkiti penyakit Chikungunya adalah dinasihatkan agar tinggal di rumah sahaja sehingga sihat bagi mengelakkan penularan Chikungunya ke kawasan baru. Di samping itu, orang ramai yang mengetahui adanya jangkitan Chikungunya diharap dapat memaklumkan ke Pejabat Kesihatan yang berhampiran.

Sepanjang minggu lepas, selain dari lokaliti yang mempunyai satu kes, sejumlah 9039 rumah di lokaliti terdapat kes Chikungunya telah dibuat semburan kabus. Melalui pemeriksaan pembiakan nyamuk, 47 buah rumah didapati positif pembiakan *Aedes* yang menjadi punca kepada penularan penyakit ini. Sejumlah 14 kompaun bernilai RM1400.00 telah dikenakan kepada tuan punya rumah yang membiarkan premis mereka menjadi tempat pembiakan nyamuk *Aedes*.

Pihak Kementerian Kesihatan menyarankan agar ahli masyarakat mempertingkatkan lagi aktiviti gotong-royong di persekitaran kediaman masing-masing bagi membasmi tempat pembiakan nyamuk *Aedes*, sekaligus mengawal penularan penyakit Chikungunya. Anggota masyarakat juga digalakkan agar memeriksa dan memusnahkan sebarang tempat atau bekas pembiakan nyamuk *Aedes* di dalam dan luar rumah selama 10 minit setiap minggu. Kerjasama di antara masyarakat dan KKM akan menghasilkan aktiviti kawalan nyamuk *Aedes* yang lebih cekap dan berkesan.



(DATO' DR HASAN BIN ABDUL RAHMAN)
18 November 2008
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

LAMPIRAN A

Kes Chikungunya Terkumpul Yang Dilaporkan Sehingga Minggu Epid Ke-46, 2008

Bil.	Negeri	Cara Pengesanan		Jumlah	Kematian
		Datang Ke Klinik/ Hospital	Pengesanan Di Rumah/ Kampung		
1.	Perlis	0	0	0	0
2.	Kedah	0	0	0	0
3.	P. Pinang	3	0	3	0
4.	Perak	225	227	452	0
5.	Selangor	105	77	182	0
6.	WP Putrajaya	9	0	9	0
7.	WP K.Lumpur	4	1	5	0
8.	Negeri Sembilan	83	72	155	0
9.	Melaka	526	74	600	0
10.	Johor	998	709	1707	0
11.	Pahang	79	200	279	0
12.	Kelantan	3	0	3	0
13.	Terengganu	1	0	1	0
14.	Sarawak	2	1	3	0
15.	Sabah	0	0	0	0
16.	WP Labuan	0	0	0	0
	JUMLAH	2038	1285	3399	0

GRAF 1. KEJADIAN KES MINGGUAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA

BAGI MINGGU 31 HINGGA 46

Kes

